

28 OCT 1999

Mahkamah-Anwar

HAKIM TEGUR KARPAL KERANA TUDUH BELIAU TAKUT PADA PM

KUALA LUMPUR, Oct 28 (Bernama) -- Datuk Arifin Jaka, hakim mahkamah tinggi yang mendengar perbicaraan liwat bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, hari ini berkata peguam Anwar, Karpal Singh sudah melampau dengan mendakwa yang mahkamah takut kepada Perdana Menteri.

Hakim itu mengarahkan supaya Karpal Singh menarik balik kata-katanya yang dikeluarkan pada permulaan perbicaraan Anwar hari ini.

Karpal berkata: "Mahkamah ini kini telah tunduk kepada pihak eksekutif dan gambaran yang saya perolehi ialah bahawa mahkamah ini khususnya tuan, Yang Ariff takut kepada Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad)."

Arifin menjawab: "Perasaan saya terguris apabila kamu berkata saya takut kepada Perdana Menteri."

Hakim itu berulang kali memberi peluang kepada Karpal untuk menarik balik kata-katanya tetapi peguam itu enggan berbuat demikian.

Arifin lalu berkata beliau mungkin menimbang untuk memulakan prosiding penghinaan mahkamah terhadap Karpal pada akhir perbicaraan nanti kerana beliau tidak mahu melambatkan perbicaraan yang sedang berjalan itu.

Anwar, 52, dan adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, 38, sedang menghadapi tuduhan bersama terhadap tuduhan meliwat Azizan Abu Bakar, 39, bekas pemandu isteri Anwar, di apartmen Sukma di Tivoli Villa, Bangsar, di sini pada satu malam, pukul 7.45 malam antara Januari dan Mac, 1993.

Sukma, ahli perniagaan, juga menghadapi tuduhan bersubahat dengan Anwar untuk meliwat Azizan di tempat dan pada masa yang sama.

"Saya tidak takut kepada Perdana Menteri," kata Arifin dan meminta Karpal mengemukakan permohonan yang betul dalam perkara itu.

Amaran hari ini bagi memulakan prosiding menghina mahkamah terhadap Karpal adalah yang kedua dibuat oleh Arifin selepas memberi amaran kepada peguam itu pada hari Selasa bahawa tindakan akan diambil terhadapnya jika Karpal terus berkata bahawa Mahkamah Tinggi tidak melakukan apa-apa untuk menghalang ulasan orang ramai mengenai perbicaraan liwat itu.

Sebelum prosiding hari ini, Karpal menarik perhatian mahkamah berkaitan kenyataan Dr Mahathir mengenai sapina yang dikeluarkan kepadanya oleh Mahkamah Tinggi yang menurut peguam itu "tidak pernah berlaku dalam sejarah bidang perundangan".

Karpal berkata tindakan Perdana Menteri memberikan syarat-syarat bahawa beliau hanya akan memberi keterangan dalam perbicaraan membabitkan kes liwat telah menyentuh kedudukan hakim mengikut Seksyen 136 Akta Keterangan.

Peguam itu berkata hanya mahkamah yang boleh memutuskan keterangan boleh terima dan relevannya dan kenyataan Dr Mahathir menunjukkan bahawa "beliau bertindak seperti seorang hakim dan ia menyamai penghinaan kepada prosiding mahkamah".

Mahkamah Tinggi telah mengeluarkan sapina kepada Dr Mahathir mengarahkannya hadir di mahkamah pada 1 Nov atas permintaan Sukma.

Karpal juga memberitahu mahkamah mengenai kenyataan pemangku Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein yang telah menuduh beliau menggunakan bukti direka-reka dan kenyataan Tan Sri Vincent Tan bahawa dia bersetuju dengan kenyataan setiausaha eksekutif Umno, Tengku Datuk Adnan Tengku Mansor bahawa Karpal "kurang ajar".

Hakim memberitahu Karpal bahawa mahkamah tidak mahu mendengar

permohonan secara lisan dan memintanya membuat permohonan yang betul untuk mendakwa mereka menghina mahkamah.

Karpal kemudian membangkitkan isu syarat-syarat yang dikemukakan oleh Perdana Menteri tetapi hakim berkata: "Bawa beliau ke mahkamah...dan jika beliau tidak mahu datang, awak boleh memohon waran tangkap. Bawa beliau ke mahkamah saya dan awak boleh bertanya mengapa beliau berkata begitu."

Arifin berkata beliau tidak mahu mengambil sebarang tindakan kerana pendiriannya jelas bahawa laporan akhbar adalah dengar cakap dan meminta Karpal meneruskan tindakan menghina mahkamah tetapi hendaklah dilakukan mengikut prosidur.

Arifin: Saya tetap mahukan awak mengikut peraturan.

Karpal: Prosidur yang betul mengambil masa, ia mengambil masa dua bulan.

-- LAGI